PERKONGSIAN ILMIAH : ANDAI INI YANG TERAKHIR

Oleh : Akrimi Mardhiah

Foto : Instagram Kelab Ikhwan

Facebook rasmi Kolej Tun Dr Ismail, 25 April – Sekretariat Kerohanian, Kebajikan dan Keselamatan dengan kerjasama Kelab Ikhwan telah menganjurkan satu program ilmiah iaitu bertajuk Marhaban Ya Ramadhan : Andai ini yang terakhir, yang berlangsung selama 1 jam 53 minit secara atas talian dengan menggunakan platform Facebook rasmi Kolej Tun Dr Ismail.

Objektif program ini pertama adalah ingin memberi pendedahan aktiviti-aktiviti kerohanian yang boleh dilakukan para pelajar semasa di bulan Ramadhan. Kedua, melahirkan generasi yang hebat bukan sahaja dalam aspek akademik tetapi meliputi aspek keagamaan dan juga memartabatkan aktiviti kerohanian di dalam kolej supaya para pelajar dapat seimbangkan antara aktiviti dan pembelajaran.

Program ini dipengerusikan oleh Saudara Muhammad Syafiq bin Yusri dan dibantu oleh ahli jawatan kuasa lain yang menjadi tulang belakang dalam menjayakan program ini. Program ini juga bertujuan melahirkan generasi mahasiswa yang mampu menjalani kehidupan seharian

berlandaskan Al-Quran dan As-sunnah kerana apabila hidup berpandukan dua panduan ini nescaya mereka tidak akan sesat.

Program ini bermula dengan tayangan multimedia yang berdurasi selama 2 minit dan memaparkan mengenai bagaimana seseorang muslim itu memanfaatkan bulan yang penuh keberkatan ini dengan amal ibadah atau aktiviti yang bermanfaat baginya. Bulan Ramadhan merupakan bulan di mana pahala dilipatgandakan oleh Allah kepada hambanya melalui amal ibadah yang dijalankan ketika menghadapi bulan Ramadhan ini. Puasa bukan sahaja menahan diri dari lapar dan dahaga malah turut menghindarkan diri dari melakukan perbuatan maksiat dan keji. Jika seseorang muslim itu berjaya menghadapinya, maka ia mendapat kesempurnaan dalam ibadah puasanya.

Program diteruskan dengan pengisian ilmu oleh penceramah jemputan iaitu Ustaz Izmir Fareez bin Razlan. Beliau menjelaskan tentang 4 jenis manusia dalam menyambut bulan Ramadhan. Pertama, manusia yang menyambut Ramadhan seperti seolah-olah menyambut tetamu vvip ke rumahnya. Sambutan yang diadakan adalah dengan membuat persiapan yang begitu rapi dan penuh bersemangat dari sudut rohani dan fizikalnya. “Ini adalah kerana golongan ini tidak mahu terlepas peluang untuk meraih keberkatan yang ada dalam bulan mulia ini” kata Ustaz Izmir dalam penjelasan beliau. Kedua, adalah golongan yang menyambut Ramadhan seperti menyambut kedatangan tetamu yang biasa seperti rakan karibnya. Golongan ini menyambut bulan Ramadhan seperti bulan-bulan sebelumnya iaitu tiada keistimewaan untuk bulan Ramadhan sahaja. Ketiga adalah golongan manusia yang mana diumpamakan seperti mereka menyambut tetamu yang tidak dikenalinya. Ini bermaksud golongan ini menyambut Ramadhan tanpa mengetahui makna sebenar Ramadhan itu, apa yang ada pada bulan Ramadhan dan juga perbezaan bulan Ramadhan dengan bulan-bulan lainnya. Golongan terakhir adalah manusia yang tidak mahu mneymabut tetamunya iaitu mereka tidak bersedia untuk menyambut bulan Ramadhan. Bagi mereka bulan ini tidak membawa apa-apa manfaat pada mereka malah mereka merasa Ramadhan adalah suatu kesusahan pada mereka kerana mereka perlu menahan lapar dan dahaga.

Kemudian sesi soal jawab diadakan bagi memberi lebih pencerahan kepada para penonton yang bertanyakan soalan. Pada sesi ini, pelbagai soalan yang telah diajukan berkaitan bulan Ramadhan. Antara soalan yang popular adalah apakah amalan terbaik yang boleh dilakukan di bulan Ramadhan. Amalan terbaik yang boleh dilakukan adalah seperti membaca al-quran, memperbanyakkan berzikir menginati Allah s.w.t, memberi orang makan seperti menyediakan

juadah buka puasa dan menghulurkan kepada golongan memerlukan, menjalankan solat sunat dan sebagainya. Amalan-amalan ini menjadi lebih baik dan bermanfaat apabila dilakukan secara konsisten kerana amalan yang dilakukan secara konsisten itu dapat diterapkan dalam diri agar terus dilakukan tidak hanya di bulan Ramadhan bahkan juga di bulan-bulan lainnya. Setiap penjelasan yang diberikan oleh ustaz Izmir Fareez mudah difahami oleh para penonton dan juga memberi kesan yang mendalam mengenai pengertian bulan Ramadhan yang sebenarnya.

Akhir sekali, para pelajar yang menyertai program ini, diberikan merit melalui pautan *Google Form* yang telah diberikan di ruangan komen. Setelah selesai sesi pembahagian merit, maka berakhirlah program Marhaban Ya Ramadhan : Andai ini yang terakhir ini. Dengan perancangan yang teratur dan kerjasama yang baik dari semua ahli jawatankuasa, program ini berjaya dilaksanakan sehingga ke penghujungnya.